

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 NOVEMBER 2016

# Najib, Abe bincang projek kereta api laju KL-Singapura

**TOKYO 14 Nov.** - Projek kereta api berkelajuan tinggi Kuala Lumpur-Singapura dijangka menjadi antara perbincangan Datuk Seri Najib Tun Razak dengan Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe, Rabu ini.

Perbincangan dua hala dalam kerangka lawatan kerja tiga hari Perdana Menteri ke Negara Matahari Terbit ini yang bermula esok, akan diadakan di pejabat Abe di sini.

Selain Jepun, syarikat China dan Korea Selatan turut berminat dengan projek kereta api berkelajuan tinggi itu yang dianggarkan melibatkan kos RM60 bilion.

Duta Besar Malaysia ke Jepun, Datuk Ahmad Izlan Idris memberitahu wartawan Malaysia di sini hari ini, perbincangan juga dijangka menyentuh soal pembangunan infrastruktur serta isu-isu berkepentingan bersama.

"Lawatan kerja ini akan dapat meningkatkan lagi komitmen kedua-dua negara ke arah kerjasama lebih menyeluruh serta berfokus terutama dalam konteks ekonomi, pelaburan, Laut Cina Selatan dan kesalinghubungan rakyat Malaysia-Jepun," katanya.

Pada Mei tahun lepas, Najib telah mengadakan lawatan rasmi ke negara ini manakala Abe telah mengadakan lawatan ke Malaysia



**Othman Mohamad**

Melaporkan dari TOKYO, JEPUN



**Lawatan kerja ini akan dapat meningkatkan lagi komitmen kedua-dua negara ke arah kerjasama lebih menyeluruh serta berfokus terutama dalam konteks ekonomi, pelaburan, Laut Cina Selatan dan kesalinghubungan rakyat Malaysia-Jepun,"**

**AHMAD IZLAN IDRIS**  
Duta Besar Malaysia ke Jepun

pada Julai 2013 yang antara lain menyaksikan pelancaran Dasar Pandang ke Timur gelombang kedua.

Sementara itu, Najib juga di-

jadual menyaksikan majlis menandatangani penyerahan sumbangan dua buah kapal ronda luar pantai (OPV) terpakai Jepun kepada Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia.

Najib juga akan menyaksikan majlis menandatangani memorandum kerjasama (MoC) antara Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dengan Organisasi Perdagangan Luar Jepun (JETRO).

Kata Ahmad Izlan, semasa di sini juga, Perdana Menteri akan dikunjungi oleh Menteri Tanah, Infrastruktur dan Pelancongan Jepun, Keiichi Ishii serta mengadakan perbincangan dengan ahli-ahli Persatuan Persahabatan Ahli Parlimen Malaysia-Jepun.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor pula yang turut serta dalam lawatan ini, akan mengadakan pertemuan dengan isteri Abe iaitu Akie Abe di kediaman rasmi Perdana Menteri pada Rabu.

Lawatan kali ini juga akan disertai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Datuk Seri Abdul Rahman Dahalan. - UTUSAN

Um - 15/11/2016